

7 perkara tingkat kerjasama ekonomi

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengutarakan tujuh perkara penting yang antara lain meminta supaya diadakan perbincangan peringkat menteri melibatkan ahli-ahli ekonomi untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi serantau Asia Timur.

Beliau berkata, dalam usaha mencapai agenda dalaman dan luaran, perundingan tersebut seharusnya membincangkan bagaimana sesebuah negara boleh bekerjasama dalam sistem ekonomi terbuka, tidak terhalang dan juga perdagangan sejagat yang sihat.

"Apa yang kita mahu lihat ialah pembentukan forum perundingan yang longgar untuk Asia Timur.

"Forum ini seharusnya mempunyai kedua-dua agenda serantau dan luar," kata beliau ketika berucap merasmikan Kongres Pemimpin-pemimpin Muda Asia Timur yang pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Enam perkara lain yang turut dinyatakan oleh Perdana Menteri ialah:

* Walaupun perdagangan serantau penting, ia tidak seharusnya dihadkan pada aspek perdagangan. Banyak yang dapat dilakukan dengan menggunakan secara sepenuhnya zon pembangunan bersama, perkongsian teknologi, pelancongan malah pengaliran buruh;

* Dalam perkara berkait dengan perdagangan dunia, kita seharusnya merupakan juara perdagangan yang bebas dan adil;

* Kita juga menjadi juara "rantau yang terbuka". Sekiranya kita bersetuju untuk melakukan sesuatu ke atas perdagangan serantau, kita perlu memastikan tiada ukuran perlindungan dan diskriminasi yang baru atau lebih tinggi diperkenalkan ke atas negara di luar Asia Timur;

* Kita seharusnya didorong untuk menjadi model untuk kerjasama tulen Selatan-Selatan;

* Kita seharusnya menyumbang ke arah keselamatan dan kebaikan aspek ekonomi serantau; dan

* Sebarang bentuk kerjasama yang dihasratkan seharusnya berdasarkan pada kepentingan bersama, saling persefahaman, per-

samaan, kesedaran dan demokrasi.

Dr. Mahathir juga berkata, seperti kepercayaannya ke atas kepentingan dalam memastikan sistem kerjasama keamanan, beliau juga meletakkan kepercayaan ke atas sistem kerjasama kemakmuran Asia Timur.

"Kita akan bersaing di antara satu sama lain. Kita seharusnya bersaing antara satu sama lain. Tetapi kita juga seharusnya kerjasama dan perlu membentuk proses kerjasama kemakmuran," katanya.

Tambah beliau, itulah sembabnya Malaysia mengemukakan cadangan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Sementara itu ketika bercakap kepada para pemberita selepas majlis perasmian itu Dr. Mahathir memberitahu, masih ada tentangan yang tidak munasabah walaupun terdapat kemajuan berhubung cadangan penubuhan EAEC dalam mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN di Bangkok baru-baru ini.

"Ia adalah satu forum yang tidak menjejaskan siapa. Sudah tentu Asia Timur boleh berunding tanpa kehadiran Amerika Syarikat.

"Apa yang kami menyanggah ialah, kita seharusnya bertemu dan membincangkan masalah-masalah yang timbul.

"Ini adalah hak kita tidak perlu ada halangan terhadap orang-orang Timur untuk bercakap (perunding) sesama s
8
10
12
26
14
C
n